



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/4/2021	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	KeTSA / BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Teroka potensi sumber semula jadi negara

BH 23/4/2021 m/s 2

Putrajaya: Malaysia mampu menjadi hab penting dalam pembangunan industri mineral di masa depan, jika ia dapat dipacu dengan matlamat jelas.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata industri mineral memerlukan suatu anjakan dan transformasi supaya ia menjadi lebih agresif untuk maju.

Beliau berkata, ia memastikan industri itu terus berkembang maju seiring dengan industri strategik yang lain.

Katanya, industri mineral adalah komponen penting dalam pembangunan perindustrian sesebuah negara.

"Industri ini menyediakan sebahagian besar bahan asas kepada kemajuan industri strategik terutama bagi sektor seperti pembuatan, perkilangan, infrastruktur, tenaga dan pertanian, untuk menghasilkan produk bernilai tambah tinggi.

"Seperti yang kita sedia maklum, negara kita amat bertuah kerana memiliki kepelbagaian sumber mineral yang berpotensi untuk diusahakan secara optimum," katanya pada Majlis Pelancaran Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) pagi semalam.

Shamsul Anuar berkata, kajian tinjauan awal oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) menganggarkan nilai sumber mineral negara berjumlah RM4.11 trilion membabitkan mineral logam (RM1.03 trilion), mineral bukan logam (RM2.96 trilion) dan mineral tenaga (RM0.12 trilion).

Beliau berkata, walaupun ia adalah nilai anggaran, perlu diketahui Malaysia mempunyai sumber mineral yang sangat bernilai dan mampu menjadi sebahagian daripada penyumbang utama kemajuan ekonomi negara.

Shamsul Anuar berkata, Kerangka Pelan TIM 2021-2030 adalah kerangka komprehensif yang dibangunkan oleh kementerian sebagai inisiatif untuk membangunkan industri mineral negara secara menyeluruh merangkumi peringkat hulu, pertengahan dan hiliran.

Beliau berkata, kementerian itu juga berhasrat memastikan industri mineral negara dapat dibangunkan secara bertanggungjawab dan mampan melalui pengurusan sumber asli secara cekap, seterusnya menjadikan industri mineral sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Lima teras utama digariskan merangkumi tadbir urus dan perundangan, pembangunan rantian nilai industri mineral, inventori dan pemetaan sumber mineral, teknologi dan inovasi dan pembangunan modal insan.

"Teras-teras ini diperkukuhkan dengan penyediaan strategi yang menyeluruh serta disokong oleh perancangan pelan tindakan yang bersifat inklusif, dengan setiap pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, penggiat industri, institusi pengajian, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam akan turut terbabit dalam usaha menggerakkan industri ini ke satu tahap yang lebih maju," katanya.